

MAQASID SYARIAH SEBAGAI PARAMETER DALAM PERLINDUNGAN PENGGUNA INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA

TUAN NURHAFIZA RAJA ABDUL AZIZ

Fakulti Syariah dan Undang-undang
tuan.nurhafiza@kuis.edu.my

TAUFIQ A. RASHID

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa
taufiqrashid@kuim.edu.my

ABSTRAK

Pengaplikasian terhadap konsep maqasid syariah merupakan parameter di dalam mengukur kefahaman industri dan perundangan negara dalam menerokai keluasan ilmu fiqh kontemporari antaranya di dalam sektor hospitaliti dan pelancongan yang menjadi fokus di dalam kajian ini. Sektor ini merupakan salah satu sektor yang menjana pendapatan ekonomi negara di samping menyediakan banyak peluang pekerjaan di dalam sektor-sektor lain seperti perhotelan dan perkhidmatan makanan. Dalam konteks undang-undang, kajian akan menganalisis dan membandingkan pengaplikasian samada peruntukan undang-undang di Malaysia adalah selari dengan konsep maqasid syariah di dalamaspek penawaran dan pemasaran produk kepada pengguna bagi memastikan pengguna mendapat produkyang halal malahan bersih, selamat dan mendatangkan kebaikan.Kajian ini melibatkan penyelidikan secara sistematik ke atas isu-isu perundangan dengan menggunakan kaedah perundangan konvensional iaitu melibatkan proses menyatakan, menginterpretasi dan menerangkan undang-undang sedia ada di dalam sesuatu bidang perundangan dan sektor tumpuan. Metod ini juga disokong dengan kaedah analisa kritis dengan melibatkan kajian pustaka secara konvensional, artikel-artikel ilmiah dan peruntukan undang-undang khususnya melibatkan konsep maqasid syariah dan perlindungan pengguna di dalam sektor hospitaliti dan pelancongan. Dapatan kajian menunjukkan peruntukan undang-undang di Malaysia adalah selari dengan konsep maqasid syariah terutama dalam aspek penawaran, pemasaran produk dan perlindungan terhadap pengguna. Liabiliti yang ketat telah diperuntukkan kepada pemain industri bagi memastikan barangan dan produk yang ditawarkan bukan sahaja halal iaitu yang tidak menyalahi hukum syarak malahan juga bersih, selamat dan boleh mendatangkan manfaat kepada pengguna khususnya yang terlibat secara langsung di dalam sektor ini.

Kata kunci: Maqasid Syariah, Perlindungan Pengguna, Sektor Hospitaliti dan Pelancongan

1. PENGENALAN

Konsep *maqasid syariah* adalah asas kepada segala perbuatan mukallaf dan menjadi penggerak pada perbuatan manusia dalam rangka merealisasikan kepentingan umum. *Maqasid syariah* berperanan untuk memelihara segala nilai-nilai yang diperlukan oleh manusia dalam kehidupan demi mencapai kesejahteraan hidup di samping dapat menghindarkan kemudharatan yang akan berlaku. *Maqasid* adalah kata jama' kepada perkataan *maqsad*. *Maqsad* dari segi bahasa boleh ditakrifkan kepada beberapa makna seperti tujuan, pertengahan, kehendak dan niat (Al-Hasan, 2000). *Syariah* dari segi bahasa berasal daripada perkataan *syara'* yang bermaksud sumber air yang tidak pernah putus dan terus yang tidak pernah putus dan terus mengalir, memulai sesuatu pekerjaan dan juga menjelaskan menerangkan serta menunjukkan jalan. Perkataan *Syariah* diambil dari lafaz *syara'* iaitu sebagai menjelaskan atau membuktikan mengenai sesuatu yang disandarkan kepada *syara'* dan menerimanya sebagai sesuatu yang sah. Secara literalnya, perkataan *syariah* memberi maksud tentang sesuatu yang sah di sisi syarak (Al-Yubi, 1998)

Dari segi kaedah Bahasa Arab perkataan *syar'iyah* menunjukkan sesuatu yang disandarkan (dinisbahkan) kepada syarak dan syarak menerimanya sebagai sesuatu yang sah, atau secara literalnya perkataan *syariah* memberi maksud tentang sesuatu yang sah di sisi hukum syarak. (Al-'Ayid, Mu'jam Al-Asasi). Dari segi istilah, ia merangkumi keseluruhan apa yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia melalui Rasul-Nya nabi Muhammad SAW (Majid, 1992). Istilah lain bagi *syariah* ialah segala titah, perintah, larangan, bimbingan dan prinsip-prinsip yang telah diperundangan Allah ke atas hamba-Nya dengan perantaraan Rasul yang menyeru supaya beramal dengan-Nya, dan menyampaikan berita balasan baik terhadap orang yang mematuhi sebaliknya balasan azab terhadap orang yang menderhaka. (Al-Qaradawi, 2008)

Berdasarkan takrif *syariah* di atas, dapat dirumuskan bahawa *syariah* diturunkan bertujuan untuk membawa kebaikan dan mengawal, memelihara serta menjaga kemaslahatan kehidupan asasi manusia. (Ghani, 2003). *Maqasid syariah* pula dapat diertikan sebagai matlamat yang merupakan kepentingan-kepentingan yang yang ditentukan oleh syariat Islam untuk dicapai bagi kepentingan manusia. Merujuk kepada definisi yang dinyatakan di atas, dapat difahami bahawa maksud atau tujuan syariat Islam dalam proses pengsyariatan sesuatu hukum adalah berkait rapat dengan matlamat yang ingin dicapai yang mana ianya mestilah konsisten dengan al-Quran dan al-Hadith (Che Omar, 2003).

2. PENGURUSAN HALAL DALAM INDUSTRI PERHOTELAN

Kepenggunaan dapat diuraikan sebagai segala hal mengenai pengguna, iaitu individu yang membeli, atau yang diberikan kepadanya, mengguna, menyelenggara, melupuskan produk dan perkhidmatan dalam bentuk terakhir (*final form*), dalam usaha mereka untuk mencapai tahap kepuasan yang maksimum dengan pendapatan yang terhad. Pengurusan hotel merupakan satu profesion yang telah lama diwujudkan, bertujuan memberikan perkhidmatan dan memenuhi keperluan para pelanggan serta mendapat keuntungan dari perniagaan yang dijalankan hasil dari aktiviti pengembaraan (Kadir, 1989). Perkhidmatan utama yang disediakan kepada pelanggan ialah kemudahan penginapan yang selesa. Kemudahan-kemudahan ini perlu diuruskan pada setiap masa kerana pelanggan yang datang juga sentiasa silih berganti. Seterusnya, perkhidmatan menyediakan makanan di dalam pengurusan hotel juga menjadi satu elemen penting yang mampu menarik lebih ramai pelanggan untuk menginap di hotel. Bagi

sesebuah hotel yang bercirikan Islam, kriteria yang mesti diutamakan ialah penyediaan makanan dan minuman yang halal (Mohd Fadil, 2011).

3. KONSEP HALALAN TAYYIBAN

Menurut Imam Ibnu Kathir makanan yang dianggap sebagai *halalan tayyiban* ialah yang mendatangkan kebaikan pada diri dan tidak memudaratkan tubuh badan serta akal apabila memakannya (Mustafa, 2000). Wahbah al-Zuhayli (1991) pula menjelaskan bahawa *halalantayyiban* ialah perkara yang tidak mengandungi syubhat dan tidak mendatangkan dosa, serta tiada hubungkait dengan hak orang lain dalam apa keadaan sekalipun. Ini bermakna seseorang Muslim tidak boleh mengambil atau memiliki sesuatu dengan cara yang salah di sisi syarak dan mengandungi empat unsur utama iaitu pertama, terdiri daripada sumber yang halal, bukan yang diharamkan. Kedua, bersih dan suci daripada sebarang bentuk kekotoran. Ketiga, tidak mendatangkan kesakitan atau kemelaratan dan terakhir terdiri daripada makanan yang berkhasiat dan mendatangkan kebaikan kepada orang yang memakannya.

Daripada pandangan-pandangan yang telah disebutkan, dapat disimpulkan bahawa sekalipun makanan itu halal dan diambil dari sumber yang halal, tetapi sekiranya tiada kualiti dan tidak memberikan manfaat serta kebaikan kepada diri orang yang memakannya, maka makanan tersebut tidak dikategorikan sebagai *halalan tayyiban*. Ini adalah kerana pada hakikatnya, konsep *halalan tayyiban* itu merangkumi kesemua aspek kebaikan lahiriah dan batiniah. Bagi memastikan sesuatu makanan itu boleh dikategorikan sebagai *halalan tayyiban*, terdapat beberapa aspek penting yang perlu diambil perhatian. Pertama dari aspek kandungan makanan dan keduanya adalah dari aspek pengurusan makanan. Makanan mestilah menekankan konsep kebersihan dan keselamatan bagi menjamin sesuatu makanan itu dianggap halal lagi baik dan tidak membahayakan manusia. Di samping itu, makanan yang dipilih juga mestilah yang dibenarkan oleh syarak (Nor Azlina, 2010). Keselamatan pula berkait rapat dengan konsep taqwa di mana setiap individu berusaha menghindari perkara-perkara yang boleh mengakibatkan kesakitan dan seksa serta menghilangkan keamanan. Justeru, dalam pengambilan makanan, setiap individu perlu mengutamakan keselamatan dengan mengambil kira kualiti makanan yang baik dan halal, tidak memudaratkan kesihatan badan dan akal serta dapat mengelakkan diri daripada dosa dan maksiat.

Kebersihan dan keselamatan merupakan dua perkara utama yang amat dititikberatkan oleh syariat Islam. Justeru pensyariatannya itu sendiri bertujuan menjaga kemaslahatan umat manusia keseluruhannya. Kemaslahatan yang hakiki adalah apabila manusia tunduk kepada perintah-perintah Allah dan menguruskan kehidupan mereka di dunia ini mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam (Mohamed Jusoh, 2001). Peraturan-peraturan ini termasuklah dalam hal yang berkaitan dengan pengambilan makanan dan minuman. Oleh itu, sebagai membuktikan ketundukan kita terhadap perintah-perintah Allah Taala, hendaklah kita memastikan bahawa makanan dan minuman yang dijamah setiap hari benar-benar memenuhi piawai *halalan tayyiban*.

Menurut dalam konteks pengurusan makanan halal pula, prinsip utama dalam urusan penyediaan makanan haruslah bersesuaian dengan syariat Islam. Bagi mencapai tahap pengurusan yang menepati prinsip syariat Islam maka beberapa kriteria yang bersesuaian dengan kehendak agama mestilah dipatuhi. Kriteria-kriteria ini meliputi beberapa aspek pengurusan makanan antaranya pertama, premis yang digunakan untuk penyediaan makanan

halal dan makanan yang dihidangkan kepada para tetamu mestilah terdiri dari makanan yang benar-benar berkualiti dan halal. Ini kerana tujuan utama seorang Muslim menyediakan makanan kepada tetamu adalah untuk mendapatkan ganjaran dari amal kebajikan yang dilakukannya.

Keduanya, individu yang terlibat dalam pengurusan makanan seharusnya dipastikan agar sentiasa menutup aurat kerana ia merupakan suatu tuntutan agama. Pada masa yang sama, ia juga dapat menjaga pandangan para pelanggan daripada melihat aurat orang lain yang termasuk di dalam perkara-perkara mungkar. Bagi mencapai kriteria ini, pekerja yang beragama Islam adalah paling sesuai untuk ditempatkan di bahagian pengurusan makanan halal. Justeru, menguruskan makanan halal merupakan sebahagian daripada tuntutan Islam dalam soal kebersihan. Kebersihan pula adalah aspek yang amat penting dalam melaksanakan ibadah. Justeru, makanan halal dan ibadah adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan.

Oleh kerana sumber makanan memberi pengaruh yang besar dalam ibadah, maka ia perlu diuruskan dengan sebaik mungkin. Pengurusan ini perlu dilakukan bagi memastikan tiada unsur-unsur haram atau syubhat di dalam makanan yang dimakan. Oleh itu, menguruskan makanan yang halal juga menjadi satu kewajipan bagi mencapai kesempurnaan ibadah kepada Allah Taala. Kebersihan dan keselamatan merupakan dua perkara penting dalam memastikan sumber makanan yang diambil adalah halal. Konsep kebersihan dan keselamatan yang diamalkan dalam pengurusan makanan ini sebenarnya dapat mencapai tujuan-tujuan *maqasid syariah* (Abdul Karim Zaidan, 1987).

4. HAK-HAK PENGGUNA DI DALAM KONSEP HALALAN TOYYIBAN

Di antara hak pengguna yang berkaitan dengan konsep *halalan toyyiban* ini ialah hak untuk mendapatkan keselamatan. Hak ini bermaksud agar kesemua barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan kepada pengguna adalah bebas daripada kecacatan yang boleh mengancam nyawa dan keselamatan pengguna. Tanggungjawab adalah kepada golongan pembekal bagi memastikan barangan yang dibekalkan kepada pengguna adalah benar-benar selamat untuk digunakan. Perkara ini adalah sesuatu yang ditekankan dalam konsep *halalan toyyiban* (Elistina, 2013).

Seterusnya adalah hak untuk mendapatkan maklumat. Hal ini adalah penting kerana pengguna berhak untuk membuat keputusan dan pilihan pembelian yang bijak selepas menimbangkan kesemua maklumat yang dibekalkan. Peniaga tidak dibenarkan untuk memberi keterangan palsu dan mengelirukan pengguna. Oleh itu, maklumat yang diletakkan pada label adalah penting bagi memberi informasi berguna kepada pengguna. Hal ini termasuklah logo halal yang diletakkan pada label bungkusan sesuatu barangan atau diletakkan pada sesuatu iklan. Sekiranya ia adalah palsu bermakna pengguna tidak diberikan maklumat yang sewajarnya untuk membuat pilihan yang tepat bagi mencari produk halal seperti yang dituntut oleh agama.

Menurut Azhar Alias *et. al* (2013) pengguna juga mempunyai hak untuk membuat pilihan. Pengguna bebas untuk membuat pilihan berdasarkan maklumat yang diperolehi dan sebagai pengguna Muslim sudah semestinya produk *halalan toyyiban* akan menjadi pilihan. Pengguna tidak akan dapat merealisasikan hak ini seandainya peniaga tidak membekalkan produk yang berasaskan konsep *halalan toyyiban* kepada pengguna. Tanggungjawab untuk memberikan hak ini kepada pengguna bukan sahaja terletak di bahu pengeluar tetapi juga juga kerajaan. Selain

daripada itu, pengguna juga mempunyai hak untuk bersuara. Pengguna haruslah mengkritik dan bersuara sekiranya barangan yang diperolehi tidak bermutu, tidak bersih dan tidak halal.

Justeru, konsep *halalan toyyiban* adalah selari dengan hak-hak pengguna seperti yang diperakui bahawa pengguna adalah 'raja dalam pasaran' semestinya berupaya menjadi ejen perubah bagi memastikan mereka adalah penentu dalam pasaran. Sekiranya pengguna mengkehendaki konsep *halalan toyyiban* itu direalisasikan di dalam pasaran, itulah juga perkara yang harus dibekalkan oleh peniaga di pasaran.

5. PRINSIP MAQASID SHARIAH DALAM PERLINDUNGAN PENGGUNA

Terdapat pelbagai barangan yang menggunakan teknik pembuatan yang mencampurkan bahan-bahan genetik (*genetically modified organism*). Bahan-bahan yang digunakan tidak diketahui sumbernya oleh pengguna dan di luar bidang kepakaran mereka untuk mengetahuinya. Hal ini menyebabkan pengguna terpaksa bergantung kepada peniaga untuk menyampaikan maklumat yang tepat kepada mereka. Dalam konteks *halalan toyyiban*, peniaga haruslah mempunyai tanggungjawab bagi memastikan sesuatu barangan dan produk adalah suci, halal dan selamat.

Di antara undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan pengguna ialah Akta Makanan 1983, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan yang terbaharu ialah Akta Perihal Dagangan 2011.

5.1 Akta Makanan 1983

Tujuan utama Akta Makanan 1983 ialah untuk melindungi orang ramai iaitu pengguna terhadap bahayanya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan. Peruntukan dalam Akta Makanan 1983 ini ialah ia merangkumi kesemua peringkat penyediaan makanan bermula daripada proses pengeluaran sehinggalah merangkumi peringkat pengilangan, pembungkusan, pemprosesan dan apa jua bentuk pengawetan. Konsep *halalan toyyiban* bukan sahaja memastikan sesuatu makanan itu haruslah halal daripada hukum syarak tetapi ia juga haruslah makanan yang baik dan dapat mencapai matlamat pemakannya iaitu memberi tenaga, membekalkan nutrisi yang baik untuk kesihatan.

Objektif Akta Makanan 1983 adalah untuk memastikan makanan yang disediakan dan dijual oleh peniaga haruslah makanan yang baik, sesuai dan selamat untuk diambil oleh pengguna. Menurut peruntukan di dalam seksyen 13 Akta Makanan 1983:

13. (1) Mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam menentukan sama ada apa-apa makanan adalah memudaratkan kesihatan bagi maksud subseksyen (1), perhatian hendaklah diberikan bukan sahaja tentang kesan kemungkinan makanan itu kepada kesihatan seseorang yang memakannya tetapi juga tentang kesan kumulatif kemungkinan makanan itu yang pada keseluruhannya mengandungi kandungan yang sama kepada kesihatan seseorang yang memakan makanan itu sebanyak yang lazim dimakan.

Intipati di dalam peruntukan ini ialah adalah menjadi satu kesalahan kepada sesiapa yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau memudaratkan kesihatan. Walaupun makanan itu halal tetapi ia tidak dapat diterima dalam konsep *halalan toyyiban* kerana ia bukanlah makanan yang baik hingga boleh mendatangkan kemudaratan kepada pengguna yang mengambilnya. Peruntukan undang-undang turut menentukan sama ada makanan tersebut memudaratkan kesihatan atau tidak bukan sahaja melihat sama ada ia memberi kesan pada waktu itu tetapi sekiranya makanan tersebut diambil terdapat kesan kumulatif yang akan memberi kemudaratan untuk jangka panjang juga merupakan makanan yang memudaratkan. Hal ini adalah kerana terdapat makanan yang tidak mendatangkan kemudaratan pada waktu yang singkat tetapi lama kelamaan sekiranya ia diambil secara berterusan untuk jangka panjang boleh memudaratkan kesihatan, makanan tersebut tetap dianggap makanan yang memudaratkan kesihatan dan perbuatan peniaga tersebut adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Makanan ini. Hal ini merupakan sesuatu yang baik kerana peniaga akan lebih berhati-hati untuk menjual makanan dan memastikan ia benar-benar selamat untuk diambil oleh pengguna.

Di bawah seksyen 13A(1) juga dinyatakan kesalahan kepada sesiapa yang menyediakan atau menjual makanan yang tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia.

13A. (1) Mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang mengandungi keseluruhannya atau sebahagiannya:

- (a) apa-apa bahan binatang atau sayuran yang berpenyakit, kotor, reput atau bangar;*
- (b) apa-apa bahagian binatang yang tidak sesuai untuk dijadikan makanan; atau*
- (c) hasil binatang yang sudah mati selain kerana disembelih atau sebagai binatang buruan,*

Sama ada dikilangkan atau tidak, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan tahun atau kedua-duanya

Termasuklah di dalam kategori ini apa-apa bahan binatang yang berpenyakit, kotor dan reput, apa-apa bahagian binatang yang tidak sesuai untuk dijadikan makanan atau hasil binatang yang sudah mati selain kerana disembelih atau sebagai binatang buruan. Di bawah seksyen ini, sesuatu makanan tersebut sekiranya didapati tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia tidak dibenarkan untuk dijual kepada pengguna walaupun tiada kajian saintifik yang membuktikan bahawa ia akan mendatangkan penyakit dan akan memudaratkan pengguna. Kesalahan ini adalah sesuai dengan konsep *halalan toyyiban* yang dianjurkan oleh Islam kerana ia bertindak untuk mencegah peniaga menyediakan makanan yang tidak sesuai dimakan oleh pengguna. Makanan yang disediakan untuk pengguna haruslah baik kerana objektif utamanya ialah untuk memberi tenaga dan nutrisi. Walaupun Akta Makanan 1985 tidak terhad untuk melindungi pengguna Islam sahaja, dapatlah dilihat di bawah seksyen ini peniaga diwajibkan menjual bahan makanan yang boleh dan sesuai untuk dimakan. Hal ini adalah untuk memastikan makanan tersebut benar-benar baik '*toyyiban*' dan peniaga akan dipertanggungjawabkan bagi memastikan mereka membekalkan makanan yang sesuai dimakan oleh pengguna.

Dalam bentuk perlabelan makanan oleh pihak industri, ianya turut menekankan dan selari dengan konsep *halalan toyyiban* kerana makanan yang baik mestilah dapat memenuhi objektif

pemakanannya. Sekiranya sesuatu makanan tersebut telah dikurang dan direndahkan kualitasnya ia dibimbangi tidak dapat memberi faedah dan nutrisi kepada pengguna. Merujuk peruntukan di dalam seksyen 16 akta yang sama:

16. Mana-mana orang yang menyedia, membungkus, melabel atau menjual apa-apa makanan dengan suatu cara yang palsu, mengelirukan atau memperdayakan berkenaan dengan sifat, jenis, nilai, bahan, kualiti, komposisi, merit atau keselamatan, kekuatan, ketulenan, berat, asal-usul, lama atau bahagian kandungannya atau bersalahan dengan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda atau kedua-duanya.

Maklumat yang betul dan tepat adalah penting bagi pengguna bagi membuat keputusan berkaitan pemakanan. Cara pemakanan yang betul, cadangan pengambilan makanan, ramuan dan kandungan nutisi haruslah dinyatakan dengan jelas kepada pengguna. Maklumat yang lengkap dan tepat merupakan satu ciri penting sesuatu makanan yang baik seperti mana yang dituntut dalam konsep *halalan toyyiban* seterusnya dapat melindungi pengguna dari sebarang bentuk kesan sampingan yang memudaratkan kesihatan.

5.2 Akta Perihal Dagangan 2011

Pembelian adalah bermula apabila pengguna mencari maklumat tentang sesuatu produk. Di peringkat ini, pelabelan adalah penting kerana ia memberikan maklumat tentang ramuan dan isi kandungan dalam sesuatu barangan dan produk. Akta Perihal Dagangan 2011 (APD) adalah penting bagi memastikan maklumat yang diberikan oleh pembekal adalah benar, tepat dan tidak mengelirukan. Perihal dagangan termasuklah informasi yang diberikan dalam bentuk ungkapan, tulisan atau pun dalam bentuk simbol atau logo yang mungkin tertera pada iklan, label atau manual yang diberikan kepada pengguna. APD adalah berbentuk umum dan ianya terpakai bukan sahaja terhadap makanan tetapi juga barang gunaan yang lain seperti komestik, peralatan, pakaian dan sebagainya.

Merujuk kepada Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 telah dikeluarkan bagi memberi definisi kepada ungkapan 'Halal' yang berleluasa digunakan dalam perniagaan bagi menarik perhatian pengguna Muslim.

Halal dan ungkapan lain ditakrifkan:

3.(1) Apabila suatu makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti makanan atau barang-barang itu:

- (a) bukanlah dan tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang yang dilarang oleh Hukum Syarak bagi orang Islam untuk memakannya atau yang tidak disembelih mengikut Hukum Syarak;*
- (b) tidak mengandungi apa-apa benda yang najis mengikut Hukum Syarak;*
- (c) tidak memabukkan mengikut Hukum Syarak;*
- (d) tidak mengandungi mana-mana bahagian anggota manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak;*

- (e) tidak beracun atau memudaratkan kesihatan;
 - (f) tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis mengikut Hukum Syarak; dan
 - (g) tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi perenggan (a) dan (b).
- (2) Apabila perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan perkhidmatan itu boleh digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu dijalankan mengikut Hukum Syarak.

Hal ini adalah kerana banyak syarikat yang mengeluarkan makanan dan produk pengguna cuba mengelirukan pengguna dengan memanipulasikan penggunaan perkataan halal seperti menggunakan perkataan ‘Arab’ dan menggunakan huruf jawi sebagai satu bentuk strategi pemasaran terutamanya kepada pengguna Islam. Oleh itu, satu definisi yang lengkap haruslah diberikan di bawah undang-undang agar tiada keraguan bagi menggunakan perkataan tersebut dan sekiranya ada sesiapa yang cuba menyalahgunakan perkataan tersebut, tindakan undang-undang akan dapat diambil ke atas pengeluar. Oleh itu, makanan, produk atau perkhidmatan halal mestilah sesuatu yang tidak bertentangan dan haruslah dipersetujui oleh Syarak dan fatwa. Definisi syarak juga diberikan di bawah Perintah yang sama iaitu Perintah(2) ini iaitu:

“Hukum Syarak” ertinya undang-undang Islam mengikut Mazhab Syafii, atau undang-undang Islam dalam mana-mana satu daripada Mazhab lain sama ada Hanafi, Maliki atau Hambali yang telah dipersetujui oleh Yang Di-Pertuan Agong untuk dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak atau oleh Raja bagi mana-mana Negeri untuk dikuatkuasakan di Negeri masing-masing;

Fatwa pula didefinisikan sebagai apa-apa ketetapan hukum yang disahkan oleh pihak yang berkuasa mengenai Agama Islam. Di Malaysia, fatwa dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal ehwal Agama Islam Malaysia yang akan disalurkan kepada Pihak Berkuasa Fatwa Negeri untuk diwartakan. Sesiapa yang menyalahi Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 (PPDTH) adalah dianggap melakukan kesalahan di bawah APD 2011. Terdapat kesalahan dan penalti jelas di bawah Perintah ini.

5. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Perintah ini boleh, apabila disabitkan:

- (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan yang pertama ialah di bawah perenggan 5 iaitu kesalahan kepada sesiapa yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barangan di mana penggunaan perihal dagangan 'halal' telah menyalahi peruntukan PPDTH. Penjual dianggap melakukan kesalahan walaupun kenyataan salah dibuat oleh pengilang dan bukannya penjual dan dia tidak mengetahui mengenainya kecualilah dia boleh membuktikan bahawa dia telah melakukan sedaya upaya untuk memastikan kenyataan itu adalah benar. Menawarkan untuk membekalkan juga adalah satu kesalahan di bawah perenggan yang sama. Di sini, sekiranya penjual mempamerkan barangan yang mengandungi perihal yang salah, ia juga satu kesalahan kerana ia dianggap sebagai satu pelawaan untuk membekalkan. Penguatkuasa boleh mengambil tindakan walaupun tiada jualan telah dibuat kepada pengguna kerana tawaran untuk membekalkan sudah mencukupi untuk mensabitkan kesalahan kepada penjual. Selain itu di dalam kesalahan bagi memperdayakan atau mengelirukan 4(1) memperuntukan:

Mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa makanan dengan membuat apa-apa representasi atau perbuatan yang boleh memperdayakan atau mengelirukan mana-mana orang bahawa makanan itu adalah halal atau boleh dimakan oleh orang Islam adalah melakukan suatu kesalahan.

Kesalahan juga bukan sahaja diletakkan terhadap penjual tetapi juga ke atas sesiapa yang menyediakan produk tersebut termasuklah dalam proses penyediaan, pengangkutan dan penyimpanan. Oleh itu, adalah menjadi satu kesalahan kepada sesiapa yang menawarkan atau membekalkan produk atau perkhidmatan yang diperihalkannya sebagai halal atau dengan apa-apa ungkapan lain yang bertentangan dengan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

5.3 Akta Perlindungan Pengguna 1999

Akta Perlindungan Pengguna 1999 (APP) adalah digubal bagi memberi perlindungan yang optimum kepada pengguna. Di bawah APP juga, Tribunal Tuntutan Pengguna telah ditubuhkan sebagai mekanisme tebus rugi yang lebih cepat, efektif dan murah kepada pengguna. Bahagian II APP memperuntukkan kesalahan kepada pembekal atau pengeluar bagi perlakuan yang mengeliru dan memperdaya, membuat representasi palsu dan amalan perniagaan yang tak saksama yang boleh menyebabkan pengguna melakukan kesilapan. Perlakuan yang mengeliru adalah mengenai sifat, proses pengilangan, ciri-ciri, kesesuaian bagi sesuatu maksud, atau kuantiti barang atau perkhidmatan itu. Termasuk juga sebagai representasi palsu dan mengelirukan di bawah seksyen 10 iaitu barang-barang atau perkhidmatan itu mempunyai apa-apa kelulusan pengendorsan yang palsu. Hal ini termasuklah membuat representasi palsu dan mengelirukan berkaitan tanda halal dan logo yang tidak dikeluarkan oleh pihak berwajib.

Bahagian III APP juga memperuntukkan perlindungan terhadap keselamatan barang dan perkhidmatan. Apa yang baik di bawah APP ialah seksyen 29 memberi kuasa kepada mahkamah untuk memberikan relief sampingan kepada pengguna. Hal ini adalah bermakna pengguna boleh menuntut ganti rugi sekiranya didapati pembekal membuat amalan dan representasi palsu walaupun pada dasarnya Bahagian II adalah memperuntukkan kesalahan jenayah. Mahkamah juga boleh membuat perintah bahawa kontrak tersebut adalah tidak sah dan jikadifikirkan patut sebagai tidak sah *ab initio* seolah-olah transaksi tersebut tidak berlaku samasekali. Selain daripada itu, Bahagian V APP juga memperuntukkan gerenti tersirat berkenaan dengan pembekalan barangan. Salah satu daripada gerenti tersebut ialah pengeluar

dan pembekal haruslah memastikan barangan yang dibekalkan adalah mematuhi atau bersamaan perihal yang dinyatakan. Walaupun tiada definisi perihal dinyatakan di bawah APP, perihal boleh dimaksudkan sebagai apa-apa ungkapan atau perbuatan yang menggambarkan barangan yang hendak dijual dan ia merangkumi juga penandaan logo halal. Pelanggaran gerenti tersirat ini oleh pembekal memberikan hak tebus rugi kepada pengguna di bawah Bahagian VI APP termasuklah bagi mendapatkan gantirugi.

Melalui peruntukan di bawah akta ini, pengguna boleh membuat aduan dan menuntut gantirugi ke Tribunal Tuntutan Pengguna (TTPM). Ia adalah satu mekanisme tebus rugi yang menyelesaikan pertikaian pengguna dengan cara yang mudah, murah dan cepat tanpa melalui proses mahkamah. Presiden hanya perlu membuat keputusan dalam masa 60 hari dengan yuran pendaftaran serendah RM5. Walaubagaimanapun, APP tidaklah terpakai bagi barang jagaan kesihatan dan makanan kerana ia sudah diperuntukkan di bawah Akta Makanan 1983. Oleh itu sebarang makanan dan barang jagaan kesihatan yang tidak selamat dan *toyyib* mengikut syarak adalah tidak dikawal di bawah APP.

6. RUMUSAN

Peruntukan undang-undang di Malaysia adalah amat mementingkan konsep *halalan toyyiban* terutama dalam aspek pemasaran barangan pengguna. Liabiliti yang ketat telah diperuntukkan kepada pembekal dan pengeluar bagi memastikan barangan yang dijual bukan sahaja halal iaitu yang tidak menyalahi hukum syarak malahan juga bersih, selamat dan boleh mendatangkan manfaat kepada pengguna. Terdapat juga banyak peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada pihak berwajib untuk membuktikan dan mengakreditasikan bahawa sesuatu produk tersebut adalah halal, selamat dan bersih. Pengguna pula akan lebih yakin dan boleh membuat pemilihan produk yang terbaik. Dengan adanya undang-undang ini juga akan memberi kesedaran kepada peniaga terhadap tanggungjawab mereka untuk menghasilkan produk yang halal dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata. Penguatkuasa juga dapat mengawal dan memastikan bahawa amalan perniagaan yang baik diamalkan oleh golongan peniaga dan ini seterusnya dapat memberi perlindungan kepada pengguna bukan sahaja pengguna Muslim tetapi juga yang beragama lain. Hal ini adalah kerana konsep pemakanan dalam Islam ini bukan sahaja mementingkan halal semata-mata tetapi juga memastikan ianya dalam kualiti yang terbaik untuk dinikmati oleh para pengguna.

RUJUKAN

- Abdul Karim Zaidan. 1987. *Al-Wajiz Fi Usul Fiqh* (Baghdad: Maktabah Al-Quds).
- Al-Hasan, Khalifah Babekar. 2000. *Falsafah Maqasid Al-Tasyri' fi Al-Fiqh Al-Islami*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Alias Azhar *et. al.* 2013. *Produk Makanan Halal: Perspektif Hukum Dan Undang-Undang*. Institut Penyedikan Produk Halal. Universiti Putra Malaysia.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2008. *Dirasah fi Fiqh Maqasid Al-Syariah*, Kaherah: Dar Al-Syuruq.
- Al-Yubi, Muhammad Saad bin Ahmad. 1998. *Maqasid Syariah wa Alaqatuha bi Al-Adillah Al-Syarie'yyah*, Riyadh: Dar Al-Hijrah.
- Che Omar, A. 2003. *Pengurusan di Malaysia Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Elistina Abu Bakar. 2013. *Undang-Undang Pengguna dalam Konteks Halalan Toyyiban di Malaysia*. Institut Penyelidikan Produk Halal. Universiti Putra Malaysia.

- Ghani, Z. A. 2003. Islam dan Pelancongan: Antara Teori, Kefahaman dan Realiti. Seminar Kebangsaan Islam dan Pelancongan . Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.
- Kadir Din. 1989. Islam and Tourism: Patterns, issues and option. *Annals of Tourism Research*.
- Mohamed Jusoh. 2001. Halal Haram in Food Ingredients. *Jurnal Penyelidikan Islam*, bil.14, Putrajaya: JAKIM.
- Mohd Fadil Yusof. 2011. Hotel Patuh Shariah (Shariah Compliant Hotels) Sebagai Produk Baru Industri Pelancongan di Malaysia. Prosiding PERKEM VI, JILID 2
- Mustafa al-Sayyid Muhammad et.al (Kaherah: Muassasah Qurtubah, 2000), 144.
- Nor Azlina Abd Wahab *et al*, 2010. “Makanan Berkualiti Menurut al-Quran Dan al-Sunnah” Prosiding Seminar Pengurusan Perhotelan & Pelancongan Islam 2010.
- Wahbah al-Zuhayli. 1991. *al-Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*, j.1, Beirut: Dar alFikr Al-Mu’asir.